



Identiti Broadway sebagai Cetusan Gaya Persembahan dalam Teater Muzikal Melayu Moden

Broadway Identity as a Catalyst for Performance Style in Modern Malay Musical Theater

Muhammad Faisal Ahmad* & Nurulakmal Abdul Wahid

*Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.*

*Corresponding author: mfaisal@fmsp.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.28.2025>

Abstract

Identifying the Influence of Broadway Identity on Performance Style in Modern Malay Musical Theater in Malaysia, Particularly in Terms of Structure and Music, and Its Impact on the Local Performing Arts Industry. This qualitative study emphasizes an observational and interview approach, specifically targeting practitioners and experts in the field, to identify the performance styles influenced by Broadway productions. The findings of the study indicate that Broadway's influence has made a significant contribution to the development of Modern Malay Musical Theater in Malaysia. More complex narrative elements, diverse musical genres, and dynamic performance structures have become key characteristics in modern Malay musical theater productions in Malaysia. The implications of this writing offer opportunities to further develop the local musical theater industry by leveraging lessons from Broadway while preserving the uniqueness of Malaysia's culture and identity in the performing arts. The debate on Broadway's influence within the context of modern Malay musical theater in Malaysia is less discussed, yet the influence of Broadway's style and production characteristics has been evident. These performance elements demonstrate that there has been a transformation in the performance style of modern Malay musical theater. The study's data can generate a specific performance structure that serves as a clear guide for developing Malay musical theater in a more organized and refined manner, effectively incorporating local cultural elements.

Keywords: *Broadway, dramatic song, Malay musical theater, musical theater, performance.*

Abstrak

Mengenalpasti identiti Broadway dalam mempengaruhi gaya persembahan dalam teater muzikal Melayu moden di Malaysia terutamanya aspek struktur dan lagu serta kesan terhadap industri seni pertunjukan tempatan. Kajian berbentuk kualitatif ini menekankan pendekatan pemerhatian dan temu bual secara khusus kepada penggiat dan pakar bidang bagi mendapatkan gaya persembahan yang dipengaruhi oleh bentuk persembahan Broadway. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh Broadway telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pengembangan teater muzikal Melayu Moden di Malaysia. Elemen-elemen naratif yang lebih kompleks, muzik yang pelbagai genre dan struktur persembahan yang dinamik telah menjadi ciri-ciri yang penting dalam produksi teater muzikal Melayu moden di Malaysia. Implikasi daripada penulisan ini memberi peluang untuk terus mengembangkan industri teater muzikal tempatan dengan memanfaatkan pengajaran-pengajaran dari Broadway tanpa mengabaikan keunikan budaya dan identiti Malaysia dalam seni pertunjukan. Perdebatan mengenai pengaruh Broadway dalam konteks teater muzikal Melayu moden di Malaysia kurang diperdebatkan dan sentiasa dipengaruhi oleh gaya dan ciri-ciri produksi Broadway turut memperlihatkan elemen gaya persembahan yang menunjukkan bahawa ia ini telah mengalami transformasi dalam konteks gaya persembahan teater muzikal Melayu moden tempatan. Data hasil kajian dapat menjana sebuah struktur persembahan yang khusus dan boleh



dijadikan sebagai panduan jelas untuk membangunkan sebuah teater muzikal Melayu dengan lebih tersusun dan kemas serta dapat menerapkan ciri-ciri budaya tempatan yang lebih efektif.

Kata Kunci: Broadway, lagu dramatik, persembahan, teater muzikal, teater muzikal Melayu

Pengenalan

Teater muzikal merupakan satu bentuk seni persembahan pentas yang telah mendapat perhatian yang ketara di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Gambaran landskap budayanya yang dinamik menjadikan teater muzikal Malaysia telah berkembang dengan mengintegrasikan pengaruh yang pelbagai terutamanya menerusi gaya persembahan seperti di Broadway yang menonjol sebagai sumber inspirasi yang ketara. Broadway, yang sinonim dengan produksi teater muzikal berkualiti tinggi dari New York, telah meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan dalam dunia teater muzikal secara global[1].

Akar umbi teater muzikal Melayu di Malaysia boleh dikesan kembali daripada bentuk teater-teater tradisional seperti Makyong, Jikey, Wayang Kulit, Menora, dan sehinggalah kepada era transisi Bangsawan yang mengintegrasikan penceritaan dengan lakonan, muzik, dan tarian[2]. Walau bagaimanapun, landskap kontemporari teater muzikal Malaysia telah dibentuk dengan ketara oleh pengaruh global. Kemunculan globalisasi dan peningkatan pendedahan kepada media antarabangsa telah memudahkan kemasukan produksi ala Broadway ke Malaysia. Secara tidak langsung ia telah membawa kepada tempoh transformasi dalam persada teater tempatan.

Teater muzikal Melayu moden perlu mencipta identiti yang unik yang mencerminkan warisan budaya yang kaya dan mengangkat nilai kontemporari Malaysia. Identiti yang tersendiri ini adalah penting untuk genre ini menonjol dan memberikan kesan yang mendalam kepada penonton tempatan dengan menawarkan cerita, tema, dan ekspresi seni yang berakar umbi dalam ruang lingkup Melayu. Namun, dalam usaha untuk membentuk identiti yang unik ini, pengaruh gaya Broadway boleh berfungsi sebagai panduan yang berguna. Struktur yang mantap, teknik penceritaan, dan kualiti produksi Broadway menyediakan panduan yang boleh disesuaikan dan diubah mengikut konteks tempatan. Inspirasi daripada Broadway boleh mendorong teater muzikal Melayu dalam mempelajari cara untuk meningkatkan nilai produksi, mempelbagaikan genre muzik, dan mencipta naratif yang menarik dan teratur. Namun, penting untuk elemen-elemen ini diintegrasikan dengan cara yang menghormati dan memperkuat keunikan budaya Melayu, bukannya sekadar meniru Broadway. Pendekatan ini membolehkan pengembangan teater muzikal Melayu moden yang inovatif dan autentik, menawarkan arah baru yang diinspirasi oleh amalan global tetapi berakar kuat dalam identiti tempatan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan pengamal dan pakar dalam bidang teater muzikal. Metodologi ini direka bentuk untuk mendedahkan pengaruh Broadway telah mempengaruhi gaya persembahan tempatan.

Temu bual bersama pengarah merupakan titik pusat bagi kajian ini yang menawarkan pandangan mendalam tentang proses kreatif, serta melihat proses membuat keputusan dan cetusan inspirasi bagi membangunkan sebuah teater muzikal Melayu moden. Temu bual dijalankan dengan tujuan untuk memahami sama ada pengarah menyedari atau sebaliknya bahawa pengaruh Broadway telah digunapakai ke dalam produksi tempatan sambil mengekalkan integriti budaya muzikal Melayu. Perbualan ini menyelidiki elemen-elemen seperti struktur pementasan, jenis muzik, dan gaya lakonan Broadway yang disesuaikan untuk khalayak tempatan. Para pengarah juga membincangkan cabaran dan



strategi yang terlibat dalam mengimbangi daya tarikan global Broadway dengan keperluan untuk mencerminkan warisan budaya Malaysia. Hasil temu bual pengamal dan pakar dapat memberikan perspektif yang berharga tentang bagaimana pengaruh Broadway ditafsir dan disetempatan dalam konteks teater Malaysia.

Penontonan kritikal terhadap beberapa muzikal terpilih turut dijalankan bagi mengenalpasti aspek perbandingan gaya persembahan. Kaedah ini adalah untuk menganalisis struktur dan idea yang dibincangkan oleh pengarah dan dimanifestasikan di ruang pentas. Pendekatan ini melibatkan analisis mendalam yang melihat kepada keseluruhan persembahan dan cara ia disepadukan untuk mencipta pengalaman yang padu dan menarik. Perhatian khusus diberikan dalam melihat bentuk lagu yang digunakan serta yang diilhamkan oleh bentuk Broadway dan penyesuaian dalam konteks muzikal Melayu moden. Kajian secara kritis menilai sama ada penggabungan elemen Broadway ini dapat meningkatkan atau mencairkan identiti tempatan dan menawarkan pemahaman menyeluruh tentang impak budaya.

Dapatan

Lagu Dramatik Dalam Gaya Muzikal Broadway

Gaya persembahan teater muzikal Broadway telah memperkenalkan bentuk lagu-lagu dramatik yang sering diangkat bagi mengembangkan sesuatu karektor sehinggalah kepada sebuah penceritaan. Lima bentuk lagu dramatik dalam muzikal Broadway berfungsi bagi memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk naratif serta menyampaikan emosi dan konflik dalam penceritaan teater muzikal[3]. Lagu Pengenalan berperanan sebagai pembukaan kepada penceritaan. Lagu ini digunakan untuk memperkenalkan watak-watak utama, latar belakang, tempat, dan situasi. Melalui Lagu Pengenalan, penonton diperkenalkan kepada dunia penceritaan dan diberi gambaran awal mengenai keinginan atau tujuan watak utama.

Dalam membentuk naratif sesebuah muzikal, Lagu Cerita akan digunakan untuk menggambarkan keadaan atau situasi tertentu yang berlaku dalam penceritaan[4]. Lagu Cerita membantu dalam menyampaikan perasaan watak terhadap situasi yang sedang berlaku, sama ada secara langsung kepada watak lain atau sebagai monolog kepada penonton. Ia juga berfungsi sebagai alat untuk merenung masa lalu, mencerminkan masa kini, dan mengintip masa depan.

Lagu konflik timbul apabila terdapat percanggahan idea atau pertentangan antara dua atau lebih watak. Lagu ini merupakan puncak dramatik di mana ketegangan antara watak-watak mencapai klimaks. Dalam lagu ini, watak-watak mungkin berdebat atau bersaing melalui nyanyian, menjadikan konflik tersebut lebih dramatik dan tegang. *Tonight Quintet* dalam teater muzikal *West Side Story* (1957) adalah salah satu babak paling dramatik dan kompleks yang menggambarkan konflik antara dua kumpulan yang berseteru, iaitu The Jets dan The Sharks. Lagu ini memainkan peranan penting dalam membina ketegangan sebelum pertembungan utama antara kedua-dua kumpulan berlaku.

Lagu Emosi Klimaks merujuk kepada lagu yang menonjolkan puncak emosi tertinggi dalam sesuatu adegan[5]. Lagu ini biasanya dinyanyikan oleh watak utama atau watak yang terlibat secara langsung dengan konflik utama cerita, dan ia membawa penonton ke dalam pengalaman emosi yang paling mendalam watak tersebut sama ada emosi positif atau negatif. Lagu-lagu ini adalah alat penting dalam muzikal kerana mereka menggabungkan lirik, melodi, dan penjiwaan untuk menyampaikan perubahan atau penegasan besar dalam naratif. Lagu Emosi Klimaks ini menonjolkan kemuncak emosi watak-watak yang tidak dapat disampaikan melalui dialog biasa[6]. Ia menggambarkan perasaan yang sangat mendalam seperti kemarahan, kebencian, kegembiraan, atau kasih sayang. Lagu emosi klimaks adalah penting kerana ia memberi ruang kepada penonton untuk benar-benar merasakan dan memahami emosi watak pada tahap tertinggi. Contohnya dalam musical *Wicked* (2003) lagu *Defying Gravity*



dinyanyikan oleh Elphaba ketika dia memutuskan untuk melawan norma masyarakat dan menjadi dirinya sendiri. Ini adalah saat di mana dia membuat keputusan yang akan mengubah hidupnya dan memutuskan untuk 'terbang' di luar batasan yang dikenakan ke atasnya.

Gaya persembahan Broadway sering mengakhiri setiap persembahan dengan sebuah lagu yang dijadikan sebagai Lagu Kesimpulan atau penutup kepada keseluruhan penceritaan[7]. Lagu ini merumuskan segala konflik yang telah diselesaikan dan membawa penonton kepada resolusi akhir cerita. Ia biasanya berunsur kegembiraan dan memberi penonton perasaan penutupan yang memuaskan. Lagu ini juga bertindak sebagai perpisahan antara watak dan penonton, menandakan tamatnya perjalanan cerita. Teater muzikal seperti *The Lion King* (1997) mengangkat lagu *Circle of Life* dalam bentuk reprise iaitu pengulangan lagu yang telah diperdengarkan sebagai Lagu Pengenalan di akhir cerita untuk merumuskan perjalanan hidup dan menyambut generasi baru.

Analisis Gaya Persembahan Teater Muzikal Melayu Moden

Gaya persembahan teater muzikal Broadway telah menjadi sumber inspirasi yang penting dalam perkembangan teater muzikal Melayu moden di Malaysia. Broadway, dengan sejarah panjangnya yang berakar pada penceritaan yang dramatik dan penuh emosi, menawarkan satu rangka kerja naratif yang kaya dan terperinci. Penerapan unsur-unsur ini dalam konteks tempatan telah menghasilkan satu bentuk teater muzikal yang menggabungkan elemen tradisi dengan pendekatan moden, mewujudkan satu identiti baru yang relevan dengan penonton masa kini. Lima bentuk lagu utama dalam muzikal Broadway iaitu Lagu Pengenalan, Lagu Cerita, Lagu Konflik, Lagu Emosi Klimaks, dan Lagu Kesimpulan berperanan untuk menggerakkan naratif serta memperdalamkan emosi dan konflik dalam cerita. Unsur-unsur ini telah diterapkan dengan bijak dalam teater muzikal Melayu moden. Misalnya, dalam muzikal seperti *Puteri Gunung Ledang* (2006), Lagu Pengenalan digunakan untuk memperkenalkan watak-watak utama serta memberikan gambaran awal mengenai latar dan tema cerita. Lagu ini bukan sahaja memperkenalkan watak dan situasi, tetapi juga membawa penonton masuk ke dalam dunia penceritaan yang kaya dengan nilai-nilai budaya dan tradisi Melayu Jawa.

Salah satu kekuatan utama gaya Broadway yang diterapkan dalam teater muzikal Melayu adalah kemampuannya untuk menggabungkan unsur-unsur tradisi dengan pendekatan moden dalam penceritaan. Lagu Cerita, sebagai contoh, sering digunakan untuk menggambarkan konflik antara nilai-nilai tradisional dan cabaran moden. Ini mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang kerap berhadapan dengan pertembungan antara adat lama dan perubahan zaman. Lagu-lagu seperti ini bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan emosi watak, tetapi juga untuk mencerminkan isu-isu sosial yang relevan dengan masyarakat tempatan. Gaya persembahan Broadway sangat menekankan penceritaan melalui emosi dan konflik[9]. Dalam konteks teater muzikal Melayu, unsur ini diterapkan dengan memberikan fokus yang mendalam terhadap penceritaan yang menyentuh emosi penonton. Lagu Konflik dan Lagu Emosi Klimaks digunakan untuk menunjukkan puncak dramatik dalam cerita, di mana watak-watak berdepan dengan cabaran besar atau perubahan besar dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, dalam muzikal *P. Ramlee the Musical* (2007), lagu-lagu ini digunakan untuk menggambarkan konflik dalaman yang dihadapi oleh watak utama serta perubahan emosi yang dialaminya, menjadikan cerita lebih berkesan dan mendalam.

Penerapan gaya Broadway dalam teater muzikal Melayu juga jelas kelihatan dalam cara cerita diakhiri. Lagu Kesimpulan berperanan penting untuk merumuskan segala konflik yang telah diselesaikan dan memberi penonton satu penutupan yang memuaskan. Melalui lagu ini, penceritaan disimpulkan dengan cara yang menghubungkan kembali semua elemen cerita, membawa penonton kepada resolusi yang jelas dan lengkap. Ini bukan sahaja memberi kepuasan kepada penonton tetapi juga memastikan naratif disampaikan dengan jelas dan berkesan. Penerapan gaya Broadway dalam teater muzikal Melayu moden berjaya mengangkat penceritaan tempatan ke tahap yang lebih universal.



Gaya ini telah membantu mewujudkan satu bentuk ekspresi seni yang lebih dinamik dan relevan, yang mampu menarik minat penonton dari pelbagai latar belakang[11]. Ini juga membuka ruang kepada penceritaan tempatan untuk diterima di pentas global, kerana emosi dan konflik yang disampaikan dalam gaya ini bersifat sejagat, walaupun diungkapkan dalam konteks budaya tempatan. Justeru, penerapan gaya Broadway dalam teater muzikal Melayu moden telah mencipta satu identiti yang kuat dalam seni persembahan tempatan. Dengan menggabungkan unsur-unsur tradisi dan moden, serta menekankan penceritaan melalui emosi dan konflik, teater muzikal Melayu berjaya menawarkan satu pengalaman teater yang memikat dan mendalam, yang bukan sahaja mencerminkan budaya tempatan tetapi juga relevan dengan dunia global.

Fungsi Lagu Dramatik Dalam Teater Muzikal Melayu Moden

Dalam konteks teater muzikal Melayu moden, Lagu Transisi boleh dilihat dalam muzikal seperti P. Ramlee The Musical di mana lagu-lagu tertentu digunakan untuk menunjukkan peralihan antara kisah hidup P. Ramlee dari zaman kegemilangannya hingga ke kejatuhannya. Lagu-lagu ini tidak hanya menghubungkan babak, tetapi juga menggabungkan perubahan emosi dan perkembangan karakter yang dialami oleh watak utama[12]. Lagu Transisi juga boleh digunakan untuk menunjukkan perkembangan karakter atau peralihan emosi watak dari satu keadaan ke keadaan lain. Sebagai contoh, dalam muzikal *Les Misérables* (1980), lagu *On My Own* yang dinyanyikan oleh Eponine berfungsi sebagai transisi emosi dari harapannya untuk cinta kepada penerimaan nasibnya yang tragik. Lagu ini merangkumi perubahan dalam dirinya, dari mimpi yang penuh harapan kepada realiti yang mengecewakan.


Contoh ketara dapat dilihat menerusi teater muzikal *Rubiah* (2005), lagu *Mulakan dengan Bismillah* memainkan peranan penting sebagai Lagu Transisi yang tidak hanya menghubungkan babak dalam penceritaan, tetapi juga menunjukkan perubahan signifikan dalam watak utama, Rubiah, dari usia remaja kepada dewasa. Lagu ini berfungsi sebagai jambatan antara dua fasa kehidupan Rubiah, menekankan dua jenis transisi utama: transisi masa dan transisi usia. Lagu ini digunakan secara efektif untuk menandakan peralihan masa dalam kehidupan Rubiah. Babak awal lagu ini memperkenalkan Rubiah dalam usia remajanya, dengan lirik dan suasana yang menggambarkan masa mudanya yang penuh semangat dan cita-cita. Dalam verse pertama, penonton dibawa ke dalam dunia remaja Rubiah, di mana impian dan harapan masih segar dan belum tercemar oleh realiti kehidupan.

Namun, seiring dengan berlangsungnya lagu, perubahan masa ditandai dengan perubahan tempo, nada, dan melodi yang lebih matang dan reflektif. Verse kedua lagu ini memperlihatkan Rubiah yang telah dewasa, dengan suasana yang lebih tenang dan serius, mencerminkan peredaran masa dan pengalaman yang telah ditempuhnya. Perubahan dalam susunan muzik dan persembahan secara langsung menandakan bahawa penonton sedang menyaksikan lompatan waktu yang ketara dalam hidup Rubiah. Selain daripada transisi masa, fungsi lagi ini juga menonjol dalam menggambarkan transisi usia Rubiah dari seorang remaja yang naif kepada seorang wanita dewasa yang lebih berpengalaman dan bijaksana. Verse kedua lagu ini memperkenalkan Rubiah dalam peranannya sebagai seorang wanita dewasa, dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan dan cabaran yang dihadapinya. Penyambungan nyanyian dalam situasi yang sama tetapi dengan perbezaan watak ini secara efektif menunjukkan bahawa masa telah berlalu, dan Rubiah telah matang seiring dengan itu. Peralihan dari remaja kepada dewasa dalam teater muzikal sering kali ditandai dengan perubahan dalam vokal dan cara penyampaian lagu. Dalam konteks ini, lagu *Mulakan dengan Bismillah* bukan sahaja membawa penonton melalui perjalanan waktu tetapi juga memperlihatkan evolusi emosi dan mentaliti Rubiah. Ini mencerminkan bagaimana usia dan pengalaman telah membentuk wataknya, yang kini lebih matang dan berfikir panjang sebelum membuat keputusan.

Dengan menggunakan metafora muzik, penonton dapat melihat dan merasakan keadaan emosi yang berlaku serentak di pelbagai lokasi tanpa perlu peralihan fizikal yang ketara[14]. Ini mencipta



pengalaman penceritaan yang lebih dinamik dan membolehkan penonton melihat pelbagai sudut pandang dalam adegan yang sama, walaupun watak-watak berada dalam situasi yang berbeza. Rajah 2 menunjukkan hubungan dan fungsi Lagu Transisi dan Lagu Metafora dalam konteks penyampaian lagu dramatik yang terdapat dalam teater muzikal Melayu moden sebagaimana persamaan dalam gaya persembahan muzikal Broadway.



Rajah 2: Fungsi Lagu Dramatik dan Muzikal Melayu Moden

Lagu berbentuk metafora juga sangat efektif dalam menggambarkan emosi yang kompleks dan berlapis. Dalam *Cuci the Musicals*, lagu *Apa Telah Terjadi* menggambarkan tiga watak utama yang sedang mengalami konflik emosi masing-masing. Walaupun mereka menyanyikan lagu yang sama, lirik dan penyampaian setiap watak mencerminkan pandangan mereka yang berbeza terhadap konflik yang sedang berlaku. Metafora dalam lagu ini membolehkan penonton memahami bahawa walaupun watak-watak tersebut mungkin berada dalam situasi yang berbeza, mereka berkongsi emosi yang sama iaitu kekeliruan, kekesalan, dan keinginan untuk mencari penyelesaian. Menurut Everett dan Laird (2008), dalam *The Cambridge Companion to the Musical*, lagu metafora dalam teater muzikal sering kali digunakan untuk mencipta "jaringan emosi" di mana perasaan dan konflik watak-watak dapat digambarkan secara serentak melalui satu persembahan muzik yang menghubungkan pelbagai lapisan naratif.

Penyampaian lagu metafora secara berduet atau ramai memperkuat lagi fungsi metafora dengan menggabungkan suara-suara yang berbeza untuk mencipta harmoni yang melambangkan persamaan emosi walaupun dalam keadaan yang berbeza[15]. Dalam *Cuci the Musicals*, tiga watak menyanyikan lagu *Apa Telah Terjadi* dalam cara yang berselang-seli dan kadangkala serentak, menunjukkan bahawa walaupun mereka berhadapan dengan cabaran yang berbeza, ada benang merah yang menghubungkan mereka semua iaitu perjuangan untuk memahami dan mencari jalan keluar dari konflik tersebut.



Kesimpulan

Pengaruh gaya Broadway bukan hanya terhadap penyusunan muzik tetapi juga dalam cara emosi dan konflik disampaikan, yang akhirnya membawa teater muzikal Melayu moden ke tahap yang lebih universal dan relevan dengan penonton masa kini. Integrasi unsur-unsur tradisi dan moden ini memperlihatkan potensi teater muzikal Melayu moden untuk terus berkembang sebagai medium ekspresi seni yang mantap, dinamik, dan berdaya tahan. Kajian ini menegaskan bahawa penerapan gaya persembahan Broadway telah mencipta identiti baru dalam teater muzikal Melayu moden yang mampu merangkul nilai budaya, gaya hidup, dan latar masyarakat dengan lebih berkesan.

Penyataan Etika

Pengarang mengesahkan bahawa telah membaca dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dalam Data Secara Ringkas. Pengarang juga mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan, atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Nurulakmal Abdul Wahid menyumbang secara khusus dalam input berkaitan dengan elemen seni persembahan, termasuk analisis dan perincian aspek artistik yang relevan dengan kajian ini. Beliau turut terlibat dalam pembangunan idea dan konsep utama yang melibatkan seni persembahan serta memberikan pandangan pakar dalam penulisan dan semakan bahagian yang berkaitan.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- [1]M. F. Ahmad, Z. Abdullah, and S. Azlina, "Garis-Garis Pelangi Musical Theatre: A Research on the Implementation of Moral Values Through the Concept of Jukebox Musical Performance," *Int. J. Acad. Res. Bus. Soc. Sci.*, vol. 10, no. 11, pp. 414–425, 2020, doi: 10.6007/ijarbss/v10-i11/8102.
- [2]M. Ismail, *Modul Pengajaran & Pembelajaran Makyung*, 1st ed. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2015.
- [3]N. V. Korchagina and A. A. Polyakova, "Content and Main Directions of Training Singers for the Professional Performance Activity of the Artist-Vocalist of Musical | СОДЕРЖАНИЕ И ОСНОВНЫЕ НАПРАВЛЕНИЯ ПОДГОТОВКИ ПЕВЦОВ К ПРОФЕССИОНАЛЬНОЙ ИСПОЛНИТЕЛЬСКОЙ ДЕЯТЕЛЬНОСТИ АРТИСТА-ВОКАЛИСТА МЮЗИКЛА," *Music. Art Educ.*, vol. 9, no. 3, pp. 107–121, 2021, doi: 10.31862/2309-1428-2021-9-3-107-121.
- [4]L. A. Rapatskaya and A. N. Rykova, "Spiritual and Moral Upbringing Children in the Process of Musical and Theatrical Activities in Church Sunday School," *Music. Art Educ.*, vol. 9, no. 1, pp. 151–166, 2021, doi: 10.31862/2309-1428-2021-9-1-151-166.



- [5]J. P. Swain, "The Broadway Musical : A Critical and Musical Survey," *J. Am. Stud.*, vol. 25, no. 3, pp. 500–501, 2022, doi: <https://doi.org/10.1017/S0021875800034502>.
- [6]W. A. Everett, *The Cambridge Companion to the Musical*. Cambridge University Press, 2008. doi: <https://doi.org/10.1017/CCOL9780521862387>.
- [7]V. A. Petrova, "Features of the concertmaster's work in the opera theatre as a teacher-tutor and performer," *Music. Art Educ.*, vol. 9, no. 2, pp. 61–70, 2021, doi: 10.31862/2309-1428-2021-9-2-61-70.
- [8]S. Ikhwan, "Komunikasi Pada Teater Bangsawan Dalam Menyampaikan Pesan Sejarah Dan Budaya Melayu Di Riau," *Jom FISIP*, vol. 2, no. 2, 2015.
- [9]J. Deer, "A Concise Introduction to Musical Theatre," 2021.
- [10]A. W. Playwright, "Writing Musical Theatre," pp. 1–30.
- [11]M. Coldiron, "The Modernization of Asian Theatres : Process and Tradition Reviewed by Reviewed by Margaret Coldiron," no. May, 2024.
- [12]T. Andrewes, "What is Music Theatre ? Contents :".
- [13]V. Hugo, *Les Miserables*, 1st ed., no. 13. United States: Thomas Y. Crowwell & Co., 1887.
- [14]M. Marlin, "Musical Theatre Handbook for the Actor," 2009.
- [15]D. Oram, "Voice and Speech for Musical Theatre : A Practical Guide," *Voice Speech Rev.*, vol. 14, no. 3, pp. 380–383, 2020, doi: 10.1080/23268263.2020.1751414.